

Unsur2 dari kaum lain diterima Masyarakat pribumi adalah pewaris sah budaya



DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Isnin

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, masyarakat pribumi Malaysia adalah pewaris yang sah kepada kebudayaan rakyat asal di rantau ini yang terlingkung dalam konteks kebudayaan Melayu.

Bagaimanapun, beliau berkata, Dasar Kebudayaan Kebangsaan tidaklah menolak beberapa unsur-unsur yang sesuai dan wajar daripada masyarakat-masyarakat China, India dan unsur-unsur luar yang lain untuk diterap atau disesuaikan ke arah melahirkan perkembangan kebudayaan kebangsaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian dalam perutusannya kepada seminar Sistem Nilai dan Norma Masyarakat-masyarakat Malaysia yang bermula di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, hari ini.

Seminar siri pertama itu dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Datuk Samad Idris.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata Kerajaan memang sedar bahawa usaha-usaha ke arah pembangunan kebudayaan di negara ini sebagai salah satu aspek pembangunan semestinya dilimpangi sama dengan aspek pembangunan fizikal di bidang-bidang sosial yang lain.

Begini rumit

Peranan dan pentadbiran kebudayaan di Malaysia adalah begitu rumit kerana hakikat sejarah yang telah dialami oleh negara kita sendiri.

Tetapi, tegas beliau, masyarakat pribumi Malaysia adalah pewaris yang sah kepada kebudayaan rakyat asal di rantau ini yang terlingkung dalam konteks kebudayaan Melayu itu.

Bagaimanapun beliau tidak menolak beberapa unsur yang sesuai dan wajar daripada masyarakat-masyarakat lain disesuaikan ke arah melahirkan perkembangan kebudayaan kebangsaan.

"Memandangkan kepada fakta ini maka penglibatan kerajaan secara langsung di dalam peranan dan pentadbiran kebudayaan adalah penting supaya hasrat menumbuhkan ciri-ciri kebangsaan selamanya dapat digubah dan dipertahankan sebagai wadah kebangsaan negara ini," tambah beliau.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan kebudayaan yang secara serius telah memikir dan membincangkan beberapa perkara yang berhubung dengan pelaksanaan dasar cabang-cabang ke arah penyertaan kaum dan mengemukakan beberapa rumusan mengenai masalah kebudayaan di negara kita.

Dikaji

Katanya, keputusan, nashat dan syor yang dikemukakan oleh Majlis itu kepada Kerajaan akan dikaji mengikut prioritinya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, Kerajaan akan menyalurkan cadangan-cadangan itu menerusi Kementerian-kementerian atau agensi-agensi yang terlibat.

Mengenal seminar itu, beliau yakin sudah sampai masanya melihat peranan nilai dan norma masyarakat dan kebudayaan rakyat negara dalam konteks yang lebih luas dan melampaui batas-batas suku kaum.

Beliau berharap seminar itu akan dapat menerima fakta-fakta nilai dan norma yang dimaksudkan yang merupakan salah satu bidang kebudayaan yang amat penting yang mempengaruhi sikap, pandangan dan kepercayaan sesuatu masyarakat.

Katanya, pada suatu peringkat nanti, mungkin kita perlu mengenal sistem nilai dan norma masyarakat Bumiputera dan juga bukan Bumiputera di negara kita.

Sementara di peringkat lain, katanya, kita harus mencari jalan bagaimana nilai-nilai umum masyarakat Bumiputera dapat disesuaikan dengan tujuan mencari nilai-nilai dan norma sosial yang boleh mendatangkan manfaat ke arah perkembangan kebudayaan kebangsaan di samping melihat beberapa masalah yang timbul serta memikirkan langkah mengatasinya.

Pengerusi Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan Kebudayaan, Senator Kamarul Ariffin berkata garis-garis panduan yang berhubung dengan nilai dan norma mengenai masyarakat di Malaysia hendaklah diketengahkan supaya aspek-aspek tersebut dapat dijadikan nilai-nilai kebangsaan umum

No. Siri
No. Pen